

17/09/2003

Pegawai LHDN akan ke rumah individu ingkar

KUALA LUMPUR: Kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan mengadakan lawatan dari rumah ke rumah dan premis perniagaan mulai minggu depan bagi menyerahkan sendiri Borang B dan Borang E kepada senarai individu dan majikan yang ingkar membayar cukai.

Ketua Eksekutif LHDN, Tan Sri Zainol Abidin Abd Rashid, berkata tindakan menyerahkan sendiri borang taksiran itu bagi memastikan individu dan syarikat terbabit tidak melarikan diri daripada tanggungjawab membayar cukai.

"Bilangan yang gagal membayar cukai ini adalah tinggi dan kami berharap dengan menyerahkan sendiri borang taksiran ini, mereka akan menjelaskan cukai tertunggak masing-masing sebagai menunaikan tanggungjawab kepada negara," katanya selepas merasmikan Seminar Percukaian Kebangsaan ke-21 di sini, semalam.

Seminar anjuran bersama Kesatuan Pegawai-pegawai Hasil Dalam Negeri (IROU) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA) itu bertujuan memberi penerangan kepada pengamal percukaian dari pelbagai organisasi mengenai perincian Bajet 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu.

Zainol Abidin berkata, golongan yang ingkar membayar cukai itu adalah daripada senarai individu dan majikan yang gagal menyerahkan kembali borang taksiran yang dipos kepada mereka sebelum ini.

"Disebabkan keadaan ini, kami akan menyerahkan sendiri borang kepada mereka secara bersemuka dan meminta mereka mengembalikan borang berkenaan dalam tempoh 30 hari," katanya.

Beliau berkata, sekiranya dalam tempoh itu, mereka masih gagal menyerahkan kembali borang kepada LHDN, penalti akan dikenakan kepada mereka mengikut Seksyen 112 Akta Cukai Pendapatan 1967 dan jika sabit kesalahan, boleh didenda RM2,000 atau enam bulan penjara.

"Dalam soal ini, kami tidak akan melayan sebarang rayuan atau memberikan sebarang diskaun," katanya.